



SEGERA

Rujukan : KDN.KK.S.700-3/1/18 (5)

Tarikh : 3 Februari 2017

Pengarah

Syarikat Agensi Persendirian yang Berdaftar di bawah Akta Agensi Persendirian 1971

Tuan,

PERMOHONAN PEMBERHENTIAN DAN PEMBATALAN NAMA PENGAWAL KESELAMATAN YANG TIDAK LAGI BEKERJA DI DALAM *ELECTRONIC SECURITY INDUSTRY MANAGEMENT SYSTEM* (ESIMS)

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Kementerian Dalam Negeri (KDN) mendapati bahawa salah satu sebab utama kepada kelewatan keputusan permohonan tapisan keselamatan adalah disebabkan oleh kegagalan syarikat kawalan keselamatan membuat permohonan pemberhentian dan pembatalan nama pengawal keselamatan yang tidak lagi bekerja dengan syarikat di dalam sistem ESIMS. Selain itu juga, semakan KDN ke atas senarai nama pengawal keselamatan (Borang F) yang telah dikemukakan oleh syarikat semasa permohonan pembaharuan lesen juga mendapati terdapat perbezaan dengan senarai nama di dalam sistem ESIMS.

3. Oleh yang demikian, KDN **mewajibkan** supaya semua syarikat kawalan keselamatan membuat permohonan pemberhentian dan pembatalan nama pengawal keselamatan yang sudah tidak bekerja dengan syarikat melalui sistem ESIMS **dalam tempoh 2 minggu dari tarikh surat ini dikeluarkan.**

4. Sekiranya pihak tuan didapati **gagal** untuk membuat permohonan pemberhentian dan pembatalan nama pengawal-pengawal keselamatan yang telah berhenti bekerja dengan syarikat melalui sistem ESIMS, KDN akan mengambil tindakan ke atas syarikat tuan kerana telah membuat pengistiharan palsu berhubung senarai nama dan jumlah pengawal keselamatan yang telah dikemukakan semasa permohonan pembaharuan lesen.

Sekian, terima kasih

DATO' SRI ALWI BIN HJ. IBRAHIM

s.k:

YBhg. Dato' Sri TKSU (Keselamatan)

YBhg. Dato' SUB (KK)

SUSK YAB Menteri Dalam Negeri

SUSK Timbalan Menteri Dalam Negeri 1

SUSK Timbalan Menteri Dalam Negeri 2

Salinan luar:

Presiden

Persatuan Perkhidmatan Kawalan Keselamatan Malaysia (PPKKM)

No. 715 & 716, Blok A, Tingkat 7, Kelana Business Centre

Jalan SS 7/2, Kelana Jaya

47301 Petaling Jaya, Selangor

No. Faks: 03-78038691